

04/06/2003

BPMB mula agihkan RM200 juta pinjaman

Nur Lina Rasol

BANK Pertanian Malaysia Bhd (BPMB) mensasar mengagihkan pinjaman berjumlah

RM200 juta kepada peniaga kecil di bawah Skim Kredit Mikro dalam tempoh enam bulan ini.

Pengerusinya, Datuk Sulaiman Daud, berkata BPMB yang diperuntukkan RM500

juta bagi melaksanakan skim itu, setakat ini sudah memperoleh dana bahagian pertama sebanyak RM200 juta.

"Berdasarkan pengalaman mengendalikan kaedah pinjaman serupa sebelum ini, kami yakin dapat mengagihkan semua RM200 juta itu dalam tempoh enam bulan ini," katanya selepas majlis pelancaran Skim Kredit Mikro BPMB, di ibu pejabat bank itu di Menara Patriot, Kuala Lumpur, semalam.

Sulaiman berkata, baki dana sebanyak RM300 juta lagi akan disalurkan kerajaan kepada BPMB berdasarkan sambutan peniaga kecil terhadap skim berkenaan.

"Tiada gunanya kami memegang semua dana yang diperuntukkan itu sekali gus jika ia tidak diagihkan, jadi kami lebih selesa dengan peruntukan awal

(sebanyak RM200 juta) itu," katanya.

Sulaiman berkata, bagi memudahkan peniaga kecil memohon pinjaman di bawah skim itu, BPMB menyediakan borang permohonan yang ringkas dan mudah.

Beliau berkata, ia hanya memerlukan pemohon mengisikan butiran peribadi,

tujuan pinjaman dan jumlah yang dipohon serta butiran ringkas projek yang

mahu dilaksanakan, di samping tiga nama sebagai rujukan, iaitu seorang yang terdiri daripada kalangan pemimpin masyarakat di kawasan peniaga dan

dua saudara mara yang tidak tinggal bersama.

"Borang permohonan itu hanya perlu dikemukakan kepada cawangan BPMB yang

berhampiran dengan melampirkan salinan kad pengenalan serta dokumen yang berkaitan dengan perniagaan seperti lesen atau permit perniagaan, rekod jual beli, penyata bank atau buku simpanan, penyata gaji dan surat sewa tapak," katanya.

Beliau berkata, pemohon tidak perlu mengemukakan kertas projek kerana ia

akan disediakan oleh pegawai BPMB yang akan melawat tapak projek untuk menilai dan menentukan daya saingnya bagi menetapkan kaedah pembayaran balik dan kemampuan pemohon untuk membuat pembayaran semula.

"Jika pemohon mengemukakan permohonan yang lengkap, BPMB hanya memerlukan tempoh lima hari untuk memproses dan memberikan jawapan sama ada permohonan itu diluluskan atau pun tidak," katanya.

Sulaiman berkata, di bawah Skim Kredit Mikro BPMB itu, peniaga kecil boleh memperoleh pembiayaan sehingga 100 peratus daripada kos projek dengan jumlah maksimum RM20,000 tanpa sebarang cagaran.

Pinjaman itu yang ketika ini hanya ditawarkan di bawah skim perbankan

konvensional, mungkin ditingkatkan kepada RM50,000 pada masa depan bergantung kepada keperluan pemohon, katanya.

Beliau berkata, kadar faedah yang dikenakan hanya pada kadar empat peratus.

Sementara itu, Ketua Unit Perhubungan Awam BPMB, Zamberi Baharin ketika dihubungi berkata, sehingga jam lima petang semalam, BPMB sudah menerima 76 permohonan bagi pinjaman berjumlah RM1.25 juta di bawah Skim Kredit Mikro itu menerusi cawangannya di seluruh negara.

Beliau berkata, jumlah permohonan tertinggi diterima cawangan BPMB di Kelantan.

Di bawah Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu, kerajaan memperuntukkan RM1 bilion bagi melaksanakan Skim Kredit Mikro bertujuan memberi akses pinjaman lebih mudah kepada peniaga kecil.

Daripada peruntukan itu, RM500 juta disalurkan kepada BPMB bagi memberi pinjaman kepada peniaga yang terbabit dalam perniagaan berkaitan pertanian, manakala RM300 juta lagi kepada BSN bagi perniagaan bukan pertanian.

Sebanyak RM200 juta lagi disalurkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang akan diletakkan di bawah BPMB.

BSN ketika dihubungi semalam turut mengumumkan sudah melancarkan skim itu.

"BSN mula melancarkan Skim Kredit Mikro berkuat kuasa hari ini," kata Pengarah Hal Ehwal Awamnya. Atikah Adom.